




“MPP bukan saja menjadi jambatan penghubung antara pelajar dengan pihak pentadbir, khususnya dalam memperjuangkan kebajikan dan hak mereka, malah menjana kecemerlangan akademik pelajar

Mohd Rizal Ramelin
Yang Dipertua MPP, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Profil

Personaliti Pemimpin Pelajar IPT

Nama : Mohd Rizal Ramelin
Telefon : 012-5756666
IPT : Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
Jawatan : Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar
Bidang Pengajian : Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kerja Sosial
Cita-cita : Ahli perniagaan

Wakil MPP perlu komited

BH 25/6/2005 10:1

MEMEGANG jawatan pemimpin dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebuah universiti memerlukan seseorang pelajar berfikir positif, kritikal dan sanggup memberi komitmen sepenuhnya kerana menjadi pemimpin memerlukan pengorbanan tinggi.

Yang Dipertua MPP, Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohd Rizal Ramelin, berkata seseorang pemimpin perlu menjadi contoh terbaik selain berada di landasan perjuangan yang betul bagi meningkatkan keyakinan pelajar terhadap barisan kepimpinan yang dipilih.

Katanya, hasrat penubuhan sebuah MPP sangat murni iaitu se-

bagai badan yang mewakili keseluruhan pelajar universiti dalam berurusan dengan pihak pentadbiran.

“MPP bukan saja menjadi jambatan penghubung antara pelajar dengan pihak pentadbir, khususnya dalam memperjuangkan kebajikan dan hak mereka, malah menjana kecemerlangan akademik pelajar, sekaligus membantu universiti menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.”

“Tumpuan turut diberikan kepada usaha mempertingkatkan sahsiah dan akhlak mahasiswa menerusi program pembangunan insan, selain kecemerlangan mahasiswa dalam bidang bukan akademik,” katanya.

Mohd Rizal berkata, selain menum-

pukan peranan dalam hal berkaitan kampus, MPP UUM turut berusaha memberi pandangan dan idea berkaitan isu luar kampus kerana MPP juga mempunyai pendirian sendiri dalam persoalan itu.

Beliau berkata, walaupun ada setengah pandangan MPP bersifat positif pada pihak kerajaan tetapi jika pendapat itu dianggap kritikan, itu tidak bermakna mahasiswa berkeinginan antikerajaan.

Walaupun, katanya, MPP UUM akan terus menjaga hubungan mesra dengan pentadbiran universiti kerana kerjasama baik antara dua pihak mampu menangani pelbagai isu serta permasalahan kebajikan dan kecemerlangan pelajar.

Luahan Rasa Hati

“A SET seseorang universiti adalah pelajar. Justeru sebagai pemimpin pelajar, saya wajar memastikan kepentingan dan suara mereka terus dibela selain menumpu kepada usaha meningkatkan lagi prestasi akademik pelajar”

“BERUSAHA menimba seberapa banyak pengalaman sama ada sebagai pemimpin mahupun mahasiswa selain berusaha menjalankan tugas dan amanah yang diberikan dengan penuh tanggungjawab agar mendapat kepuasan.”

“KURANGNYA minat di kalangan mahasiswa untuk bergiat aktif berpersatuan selain malas dan tidak mempunyai semangat jati diri. Sikap ini sekali gus tidak menggariskan identiti seorang mahasiswa sebenarnya.”

UUM/BA48/BH/25.06.2005/P:10(r)